



BAB DUA

KONSEP SENI DALAM PERADABAN ISLAM

2.1 PENGENALAN

Dalam pembinaan sesuatu peradaban, kesedaran tentang kesenian dan penghayatannya adalah amat diperlukan. Ketinggian dan kecemerlangan peradaban sesuatu bangsa selalunya dicerminkan melalui kesenian sama ada ianya melalui warisan ataupun melalui ketinggian pemikiran setiap bangsa itu mencipta kesenian. Begitu juga dengan peradaban Islam, seni adalah merupakan salah satu ciri atau aspek yang penting.

Di dalam Bab Satu, telah diterangkan definisi dan penerimaan Islam terhadap seni, maka di dalam Bab Kedua ini pula penulis cuba mengupas tentang kedudukan seni dalam peradaban Islam serta peranannya.

Kitab suci Al-Qur'an merupakan tunggak kesenian yang dianggap sebagai sumber bagi segala bentuk kesenian dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri dalam Islam. Justeru itu, penulis juga cuba mengupas bagaimanakah Al-

Qur'an ini dikatakan sebagai sumber atau asas kepada kesenian Islam.

2.2 KEDUDUKAN SENI DALAM PERADABAN ISLAM

Kesenian berkait rapat dengan kebudayaan kerana ia merupakan sebahagian daripadanya. Di antara unsur-unsur kebudayaan yang melahirkan kesenian ialah hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian. Setiap masyarakat mempunyai bentuk kesenian tersendiri yang merupakan gambaran keseluruhan hidup masyarakat itu. Bentuk-bentuk kesenian merupakan pendorong yang membolehkan manusia berasa dan bertindak mengakibatkan berkembangnya ruang lingkup perasaan seseorang (Ku Zam Zam Ku Idris, 1984:14).

Apakah yang dimaksudkan dengan tamadun atau peradaban? Menurut Drs Sidi Gazalba di dalam buku beliau *Islam dan Kesenian: Relevansi Islam Dengan Seni Budaya Karya Manusia*, tamadun atau peradaban ialah tahap perkembangan kebudayaan yang tinggi bercirikan: (1988:44).

1. bentuk negara dan pentadbiran yang tersusun rapi;
2. kehidupan bandar;
3. pendidikan, sains dan teknologi yang maju;
4. monumen-monumen dan bangunan-bangunan besar; dan
5. aktiviti kesenian yang berkesan.

Bagaimanakah kedudukan seni dalam peradaban manusia? Menurut definisi yang diberikan oleh Drs Sidi Gazalba di atas, seni atau kesenian merupakan salah satu daripada cabang kebudayaan. Kebudayaan pula merupakan satu daripada cabang peradaban. Begitu juga dengan peradaban Islam. Kebudayaan merupakan salah satu daripada cabang peradaban Islam. Justeru itu, secara automatik seni mempunyai kedudukan dalam peradaban Islam. Dalam peradaban Islam, kebudayaan dan kesenian mempunyai asas yang amat kukuh iaitu akidah, syarak dan akhlak. Sumbernya pula adalah wahyu dari Allah yang terdiri daripada Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah.

Penzahiran atau manifestasi seni dalam peradaban Islam, (akan dibincang dengan lebih lanjut di dalam Bab Tiga), seperti seni khat, seni sastera, seni bina, seni ruang, seni muzik dan lain-lain mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam peradaban Islam. Ini menjelaskan lagi bahawa kesenian juga mempunyai kedudukan di dalam peradaban Islam.

Apabila dikaji dalam peradaban Babylon, Yunani, Romawi, Hindu, Mesir dan Barat kelihatan seni merupakan salah satu ciri peradaban. Setiap peradaban akan membina bandar. Bandar-bandar dan bangunan-bangunannya pula ditegakkan oleh seni bina. Untuk melengkapkan peradaban, karya sesuatu seni memainkan peranan yang penting. Keindahan kesenian ini akan kekal menjadi warisan kepada peradaban tersebut (M.A.J Beg, 1980:60). Berbalik kepada peradaban Islam, kesenian juga akan melengkapkan peradaban dan seterusnya

membawa kegemilangan kepada peradaban tersebut.

Kegemilangan dan kecemerlangan peradaban Islam dapat dilihat dari dahulu hingga sekarang melalui warisan keseniannya. Warisan kesenian inilah yang biasanya menjadi bahan pameran dalam peradaban Islam. Sebenarnya pencapaian dan kecemerlangan dalam kesenian juga merupakan penentu tinggi atau rendahnya sesuatu peradaban. Kesenian Islam dalam erti kata yang sebenar sejak awal dan akhirnya sentiasa menuju ke arah keimanan, ketakwaan dan amal soleh. Asas kesenian Islam adalah datang dari Allah s.w.t yang berasaskan akidah, syarak, akhlak dan bersumberkan wahyu-Nya.

Kewujudan manusia yang mempunyai jasad dan roh merupakan makhluk ciptaan Allah s.w.t yang paling sempurna. Kedudukan kesenian dalam peradaban Islam juga boleh dilihat daripada konsep penciptaan manusia. Terdapat tiga unsur utama yang menyempurnakan roh iaitu hati, nafsu dan akal (Mustafa Hj Daud, 1997:5). Roh atau hati kecil manusia itu pada dasarnya cintakan ketuhanan, kebenaran, keadilan dan kebaikan. Hati manusia pula mempunyai pelbagai keinginan dan kecintaan dengan kewujudan pelbagai naluri dan perasaan seperti suka, duka, pengasih, penyayang, belas kasihan, suka menolong, bertimbang rasa dan sebagainya.

Cinta kepada keindahan seni atau estetika merupakan fitrah semulajadi manusia yang telah sedia wujud dalam roh atau hati manusia. Walaupun pada

prinsipnya, manusia cintakan kebenaran, keadilan dan kebaikan tetapi manusia telah dinodai oleh nafsu yang menyebabkan kecintaan manusia kepada keindahan itu menuju kepada pemuasan nafsu semata-mata. Justeru itulah Allah s.w.t menganugerahkan wahyu untuk membimbing akal manusia dalam berkarya dengan seni yang tidak melanggar akidah, syarak dan akhlak (Mustafa Hj Daud, 1997:5).

Kecintaan dan kerinduan kepada keindahan dilaksanakan oleh akal yang dilengkapi oleh Allah s.w.t dengan dua kekuatan yang luar biasa hanya dimiliki oleh manusia sahaja iaitu imaginasi dan kreativiti. Paduan kedua-dua kekuatan inilah yang menghasilkan sesuatu karya seni. Islam meletakkan nilai imaginasi dan kreativiti itu berasaskan kepada akidah, syarak, akhlak dan berlandaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Sedangkan sekularisme menolaknya menjadikan kebebasan meluahkan perasan sebagai dasar imaginasi dan kreativiti. Ini disebabkan mereka meletakkan keindahan di atas kebenaran. Sedangkan Islam meletakkan keindahan bersumberkan wahyu di atas keindahan atau estetika. Penolakan wahyu menjadikan imaginasi sekularisme bertitik-tolak daripada kelupaan, kegilaan, kekecewaan, kucar-kacir dan lain-lain(Mustafa Hj Daud,1997:7).

Oleh kerana imaginasi mempunyai peranan yang penting dalam menghasilkan sesuatu karya kesenian, maka seharusnya ia berdasarkan imaginasi yang mengutamakan kebenaran, keadilan dan kebaikan Ilahi. Imaginasi juga mendorong manusia ke arah keimanan, ketakwaan dan amal salih. Ia kemudiannya akan menjurus kepada pembentukan karya seni yang berlandaskan kreativiti wahyu

dari Ilahi.

Sebagai kesimpulannya, tidak ada kebudayaan yang tidak mengandung seni. Setiap masyarakat menjalankan aktivitas seni tidak kira sama ada masyarakat itu mundur atau moden. Seni merupakan salah satu bentuk peradaban. Dalam peradaban Islam pula, seni mempunyai kedudukan yang agak istimewa. Ia merupakan tanda pencapaian peradaban manusia dan menjadi kayu pengukur untuk menentukan tahap kemasyhuran dan kecemerlangan sesuatu peradaban itu. Ini kerana, seni Islam berdasarkan asas dan sumber yang kukuh iaitu Al-Qur'an dan Al-Hadith.

2.3 PERANAN SENI DALAM PERADABAN ISLAM

Peranan seni dalam peradaban Islam adalah salah satu isu yang agak penting untuk diperkatakan. Pada realitinya, seni memainkan peranan penting dalam proses evolusi peradaban Islam.

Peranan seni yang paling penting terletak pada kebolehannya memperkuatkan tauhid di kalangan masyarakat (Lois Lamy' al-Faruqi, 1982:23). Persoalan yang mungkin ditanya oleh masyarakat ialah bagaimanakah penzahiran daripada seni Islam contohnya seperti bangunan, lukisan, bahasa dapat memperkuatkan tauhid di kalangan masyarakat? Seperti yang diterangkan dalam bab yang lepas, tauhid adalah ajaran monoteisme (Keesaan Allah) di mana hubungan

antara Pencipta dan makhluk-Nya begitu jelas. Allah s.w.t amat berbeza dengan ciptaan-Nya sehingga apabila seniman-seniman Islam pada masa lalu ingin melahirkan perasaan secara estetik, mereka tidak melukis lukisan yang berbentuk manusia dan alam yang naturalistik sebagai kandungan seninya. Dalam *Surah Al-An`am:103*, Allah berfirman:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ

"Tiada khayalan yang dapat membayangkan-Nya.....".
(Al-An`am(6):103)

Idea-idea tentang kewujudan manusia juga tidak dapat dilahirkan dengan potret seseorang atau pandangan alam yang realistik. Untuk mengatasi masalah ini, penciptaan cara baru bagi menggambarkan sesuatu yang diluar kemampuan manusia adalah perlu. Ianya boleh dilakukan dengan mereka corak yang rumit yang dikenali sebagai "*arabesque*".¹

Isi atau motif yang digunakan di dalam satu karya bukanlah satu-satunya yang memperkuat ajaran tauhid, tetapi bentuk dan strukturnya juga penting. Seni Islam memperlihatkan struktur-struktur yang khusus yang digunakan dalam semua karya seni. Tujuan *arabesque* ialah memberi gambaran tentang sesuatu corak yang terbatas sifatnya kepada peminat, pendengar ataupun penonton. Dengan

¹ R. Sandler dlm *Islamic Art: Variations on Themes of Arabesque* dlm *Introduction to Islamic Civilisation*, hlm 89 mentakrifkan *arabesque* ialah satu lakaran ataupun rekaan yang bercorak hiasan dan berkait rapat dengan seni Islam. Manakala Lois Lamya' al-Faruqi (1982:23) pula mengatakan "*Arabeque*" secara sempit ditakrifkan sebagai bentuk tertentu tentang reka bentuk daun dan batang yang melilit dengan begitu bergaya dicipta oleh orang Arab atau Islam.

itu, kekuasaan Allah yang tidak terbatas ditegaskan semula dalam corak yang boleh dilihat dan didengar (Lois Lamya' al-Faruqi, 1982:23).

Seni Islam juga dapat memberi sumbangan kepada kesatuan hidup kita sebagai seorang Muslim dengan menyatukan pekerjaan masa lapang, istirehat dan hiburan dengan berbagai-bagai aspek lain dalam kehidupan kita. Seperti mana yang diketahui bahawa Islam bukanlah satu agama yang terbatas yang difahami oleh Barat, tetapi ianya mempunyai ruang lingkup yang luas dan lengkap dalam kehidupan kita. Oleh itu, sudah semestinyalah segala bentuk hiburan dan riadah hendaklah tunduk kepada ajaran tauhid seperti mana aspek kehidupan yang lain (Lois Lamya' al-Faruqi, 1982:24).

Kalau melihat daripada bentuk dan corak seni Islam, kita dapat menyatakan bahawa peranannya juga untuk menyegarkan jiwa manusia sebagai makhluk Allah yang diciptakan dengan fitrah yang gemar kepada kesenian dan keindahan. Seringkali kehidupan individu ini membawa kekecewaan dan sia-sia di dalam satu-satu usaha. Apabila dikelilingi oleh corak-corak *visual* dan *aural* seni Islam, samada dalam bentuk bacaan Al-Qur'an yang merdu, bangunan-bangunan berunsur Islam, atau corak-corak dua dimensi pasti akan berasa kesegaran jiwa. Oleh itu seni dalam peradaban Islam tidak berslogan "*seni untuk seni*", tetapi sebagai "*seni kerana Allah untuk manusia, makhluk dan alam sekitar*" (Amini Amir Abdullah, 1997:138).

Seni juga boleh meningkatkan daya intelek dan bukan sahaja emosi. Adanya seni, akal manusia dengan secara automatik menyedari kaitan alam ketuhanan dan rohani atau alam fizikal. Sekali gus ianya akan menyedari keagungan Tuhan dan keunikan penciptaan-Nya (Amini Amir Abdullah, 1997:138).

Kesenian juga bukan sahaja menghibur dan mengatur hidup manusia tetapi juga mengangkat martabat manusia ke taraf keinsanan yang lebih tinggi dan ciptaan yang terindah dan termulia di alam ini.

2.4 AL-QUR'AN SEBAGAI SUMBER KEPADA KESENIAN DALAM PERADABAN ISLAM

Apabila membincangkan aspek kesenian dalam peradaban Islam, ia mestilah melihat kepada Al-Qur'an sebagai landasan dan sumbernya. Seni dalam peradaban Islam ini dilihat sebagai penyatuan estetik yang bersumberkan Al-Qur'an. Aspek budaya Islam ini harus dilihat sebagai mempunyai sifat-sifat Al-Qur'an dari segi asas dan motivasinya. Begitu juga seni dalam peradaban Islam. Ia haruslah dilihat sebagai ungkapan yang estetika yang sama bentuk dan pelaksanaannya. Sesungguhnya kesenian Islam adalah kesenian Al-Qur'an (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamya' al-Faruqi, 1992:172). Fungsinya juga sebagai mukjizat terbesar Nabi Muhammad yang telah dijadikan sebagai penyuluh dan pedoman dalam kehidupan umat manusia.

Al-Qur'an diturunkan oleh Allah dalam bahasa yang tersangat indah dan tinggi mutu seni sasteranya, sehinggakan orang Arab yang mahir dalam kritikan sastera mengakui tentang ketinggian mutu sastera di dalam kitab suci Al-Qur'an (Ismail Hamid, 1990:13). Kedudukannya yang tinggi dalam masyarakat Islam telah mendorong umat Islam untuk menghormati dan memuliakannya sehingga lahir kesenian yang indah dalam menghiasinya.

Pemeliharaan keagungannya dan kesuciannya dapat dilihat dalam aspek mengindahkan suara pada bacaannya, pembukuan Al-Qur'an, pengulasan maksud ayat-ayat Al-Qur'an dan penghafalan ayat-ayatnya (Siti Mariam Ahmad Sariman, 1997:80). Kesenian, keunggulan dan ketinggian Al-Qur'an akan tetap terpelihara sepanjang zaman. Firman Allah:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

" Sesungguhnya kamilah yang menurunkan Al-Qur'an dan kamilah yang menjaganya"

(Al-Hijr(15):9)

Isma'il R. al-Faruqi dan Lois Lamya' al-Faruqi juga telah menafsirkan persoalan hubungan Al-Qur'an dengan kesenian peradaban Islam ini kepada tiga peringkat (1992:173-190):

Peringkat 1: Al-Qur'an sebagai Pentakrifan Konsep Tauhid (Tauhid Sebagai Nilai Estetika)

Al-Qur'an adalah wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah untuk disampaikan kepada umat manusia. Ia bertujuan mengajar doktrin yang baru tentang monoteisme, iaitu Tuhan yang Esa, Pencipta dan Pemimpin yang abadi bagi alam semesta dan semua yang wujud di dalamnya. Sebenarnya Allah ialah satu zat yang wujud yang tidak dapat digambarkan dan dikhayalkan oleh manusia. Idea inilah, iaitu idea tentang keesaan dan transenden Allah, dikenali sebagai tauhid (secara literalnya bermaksud "menyatukan"). Tauhid tidak menghalang kita berkreatif dalam seni dan menghayati keindahan.

Kenyataan Al-Qur'an berkenaan dengan sifat Allah tentulah menolak atau menegah sebarang perlambangan Tuhan melalui kaedah deria sama ada dalam bentuk manusia, binatang atau dalam simbol *figural* dari alam. Tapi ini bukanlah segala-gala yang dilambangkan oleh Al-Quran kepada kesenian Islam. Walau bagaimanapun, didapati bahawa keseluruhan ikonografi² kesenian Islam begitu kuat dipengaruhi oleh doktrin tauhid Al-Qur'an atau monoteisme Islam (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamy' al-Faruqi, 1992:173).

² Walaupun ikonografi tidak sesuai digunakan dalam kesenian Islam kerana icon ataupun iconografi merujuk kepada imej atau patung yang terdapat dalam gereja Greek ataupun ilustrasi kepada sesuatu lukisan (dlm. Oxford Dictionary), tetapi saya mengekalkan perkataan ini dengan merujuk kepada lambang-lambang seni yang digambarkan melalui lukisan, ukiran dan sebagainya yang tidak bertentangan dengan ciri-ciri seni Islam.

Sebelum ini, Tuhan digambarkan melalui imej-imej naturalistik bagi orang-orang Semite pada zaman awal bagi pengikut-pengikut Judaisme. Walau bagaimanapun, Islam telah membawa satu perubahan dari segi pernyataan estetika. Penganut-penganut Islam yang baru memerlukan satu cara estetik yang dapat menyediakan objek ktemporari estetik dan yang dapat mengukuhkan asas ideologi dan struktur masyarakat serta menjadi peringatan berterusan kepada prinsip-prinsipnya. Karya seni seperti itu akan mengukuhkan kesedaran tentang kewujudan transenden, dan usaha memenuhi perintah-Nya adalah keseluruhan tujuan dan kejadian kewujudan manusia (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamyah' al-Faruqi, 1992:173).

Matlamat estetika Islam boleh dicapai dengan cara kontemplasi terhadap ciptaan-ciptaan artistik yang akan membawa deria rasa ke arah intuisi tentang kebenaran itu sendiri, iaitu bahawa Allah amat berbeza daripada makhluk-Nya sehingga Dia tidak boleh dilambang atau dilembagakan (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamyah' al-Faruqi, 1992:173).

Kesenian Islam adalah untuk mengetahui implikasi-implikasi negatif di sebalik pengucapan La illa ha illa Allah - bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Dia sesungguhnya berlainan daripada manusia dan berlainan daripada kejadian yang lain. Kesenian Islam juga menegaskan demensi positif tentang tauhid iaitu, yang bukan menekankan perkara yang bukan Tuhan tetapi menekankan apakah Tuhan (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamyah' al-Faruqi, 1992:173).

Sifat-sifat Tuhan sentiasa di luar pemahaman dan imaginasi manusia. Corak yang tidak ada awalan dan tidak ada akhiran yang memberi gambaran semesta adalah cara yang terbaik untuk dinyatakan dalam kesenian doktrin tauhid. Struktur inilah yang mencirikan semua kesenian umat Islam. Kesenian umat Islam selalunya dianggap sebagai kesenian yang bercorak saujana atau sebagai "*seni infiniti*" (Isma'il R. al-Faruqi, 1980:44). Akhirnya, pernyataan estetik ini juga dikenali sebagai "*arabesque*" telah dicipta.

Peringkat 2: Al-Qur'an Sebagai Model Artistik

Kesenian Islam juga dianggap "bersifat Al-Qur'an" kerana Al-Qur'an sendiri merupakan model yang pertama dan utama bagi daya cipta dan karya estetika. Al-Qur'an telah dihuraikan sebagai hasil seni Islam yang pertama (Isma'il R. al-Faruqi, 1973: 95-98).

Al-Qur'an adalah bersifat kudus sama ada dalam bentuk, kandungan tulisan dan juga pengertiannya. Kandungan dan bentuk Al-Qur'an seperti ini telah menyediakan semua ciri istimewa yang menggambarkan corak bagi kesenian Islam. Al-Qur'an sendiri adalah contoh yang paling sempurna untuk mempengaruhi semua ciptaan masa depan dalam seni sastera, seni hiasan, seni bina malahan juga dalam seni bunyi. Contohnya dalam hasil kesusasteraan, Al-Qur'an mempunyai kesan estetika dan emosi yang boleh memberi kesan yang mendalam terhadap penerimaan orang membaca dan mendengarnya (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamya' al-Faruqi,

1992:179).

Kesempurnaan Al-Qur'an tidak dapat ditiru dan dicabar oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, sifatnya ini tidak menghalang daripada dijadikan model bagi semua bentuk kesenian.

Peringkat 3: Al-Qur'an Sebagai Ikonografi Artistik

Al-Qur'an tidak sekadar menyediakan ideologi kepada peradaban Islam melalui pernyataan seni. Ia tidak hanya melengkapkan model kandungan dan bentuk artistik yang pertama dan yang paling penting tetapi juga menyediakan bahan yang paling berguna bagi ikonografi kesenian Islam (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamyah al-Faruqi, 1992:183).

Tujuan seni bagi orang Islam ialah untuk mengarahkan manusia sebagai khalifah Allah supaya patuh dan sujud kepada-Nya. Untuk menuju ke arah ini, tidak ada agen yang lebih sesuai yang boleh didapati selain daripada ayat-ayat suci Al-Qur'an yang mendatangkan ilham. Walaupun Tuhan sesungguhnya tidak terlambang oleh alam semulajadi dan tidak dapat dilambangkan, tetapi kata-katanya diutuskan kepada Nabi Muhammad sebagai membawa peringatan tentangnya (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamyah al-Faruqi, 1992:183).

Oleh itu bahan-bahan ikonografi adalah lebih baik bagi karya-karya

kesenian Islam. Contohnya, di dalam masjid-masjid terdapat tulisan-tulisan ayat suci Al-Qur'an. Melalui ayat-ayat Al-Qur'an yang prolif, hiasan-hiasan seni orang Islam menjadi peringatan yang berterusan tentang tauhid.

Penggunaan ayat-ayat Al-Qur'an dalam kesenian ini dilakukan dengan penuh ketelitian, kepatuhan dan kesempurnaan. Akibatnya, seni tulisan yang cantik atau kaligrafi tumbuh di kalangan orang Islam yang awal dengan daya cipta yang pesat dan menakjubkan. Tidak ada kaligrafi zaman pra-Islam atau zaman selepasnya yang begitu patuh pada ciri-ciri melengkung (*cursive*), begitu mudah dibentuk dan dilentur selain daripada mudah dibaca seperti yang dituntut oleh tulisan Arab (Isma'il R. al-Faruqi & Lois Lamya' al-Faruqi, 1992:185).

Ayat-ayat Al-Qur'an juga telah digunakan sebagai motif hiasan bukan sahaja pada perkara-perkara yang mempunyai kepentingan agama bahkan juga pada kain, pakaian, talam, kotak dan perabot, dinding, bangunan dan malahan pada periuk-periuk masakan dalam setiap abad sejarah Islam dan setiap pelusuk dunia Islam.

Sebagai kesimpulannya, Al-Qur'an merupakan sumber yang utama dan mempunyai hubungan dengan peradaban Islam. Al-Qur'an dianggap sebagai pentakrifan tauhid, model artistik dan juga ikonografi artistik. Al-Qur'an sendiri dihuraikan sebagai hasil seni Islam yang pertama. Jadi sudah semestilah semua kesenian Islam adalah menjurus kepada kesenian Al-Qur'an.